

19 JAN 2003

Mahathir-Keganasan/I

CARA BARAT BUKAN SATU-SATUNYA CARA MENANGANI KEGANASAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak dinafikan banyak yang boleh dipelajari daripada barat tetapi cara mereka itu bukanlah satu-satunya cara untuk menangani sesuatu perkara.

Dalam konteks keganasan, beliau berkata desakan bahawa hanya cara barat sahaja merupakan cara universal adalah salah dan kita (negara-negara Asia) perlu berkeras bahawa kita juga betul seperti orang lain.

Dr Mahathir berkata terdapat cara Asia yang berbeza daripada apa yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat dan Eropah, yang mengesyorkan bahawa Asia terutamanya Malaysia perlu memberikan input mereka dan seterusnya diberikan perhatian.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas yang disiarkan menerusi NTV7 pada jam 8 malam ini.

Perdana Menteri berkata keganasan boleh ditangani dalam pelbagai cara dan Malaysia sendiri mempunyai banyak pengalaman dalam menangani keganasan, iaitu bukti bahawa terdapat banyak cara untuk melakukan sesuatu dan seterusnya mencapai kejayaan.

"Malaysia berpandangan bahawa yang paling penting ialah untuk menangani punca-punca keganasan. Melainkan anda mengalihkan punca-puncunya, anda tidak akan berdaya menghentikannya kerana rekrut yang baru akan ada.

Malah jika anda menangkap, menghapuskan atau membunuh semua penganas, tiada sebarang jaminan bahawa yang lain tidak akan direkrut, terutamanya apabila kemarahan dan kekecewaan itu amat hebat," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata adalah tidak logik untuk menuduh Malaysia sebagai salah sebuah negara yang melindungi penganas dan menyalahkannya berikutan serangan 11 Sept hanya disebabkan dua daripada mereka yang terbabit berada di Malaysia merancang serangan itu.

"Pada sebahagian besar masa, mereka berada di Amerika Syarikat. Jika mereka bertanya Malaysia mengapa kita tidak menghalangnya, kita juga boleh bertanyakan soalan yang sama -- semasa mereka berlatih di sana (Amerika Syarikat), belajar untuk menerbangkan pesawat, mengapa anda tidak menghalang sebelum perkara itu berlaku," katanya.

Dr Mahathir menggesa negara-negara berkenaan supaya tidak membuat kesimpulan umum dan melabelkan golongan tertentu sebagai penganas hanya disebabkan terdapat beberapa penganas di kalangan mereka.

Beliau berkata ini akan hanya menyebabkan peperangan menentang keganasan akan terpesong kepada perkara-perkara yang tidak produktif.

Katanya terdapat penganas dalam semua kumpulan iaitu Katolik, Protestan, Buddha dan Hindu di seluruh dunia tetapi mengapakah setiap kali seorang Islam terbabit, perkataan Islam dikaitkan dengan perkataan penganas.

Menyentuh mengenai agama yang sering dikaitkan dengan keganasan, Dr Mahathir berkata agama secara perbandingan dengan tanggapan negatif dan menyeleweng, menyediakan sistem nilai kepada individu dan masyarakat.

"Masih terdapat peranan yang amat penting untuk dimainkan berdasarkan kepercayaan kepada agama. Bagi saya sebagai seorang Islam, saya dapati menjadi seorang Islam menyediakan saya panduan....mengenai apa yang betul dan apa yang salah," kata beliau lagi.

Dengan mengaitkan nilai-nilai kekeluargaan, beliau berkata peranan keluarga amat penting memandangkan ia mempunyai kesan untuk menstabilkan

masyarakat. Beliau berkata di sesetengah negara maju, konsep kekeluargaan telah berubah dengan akibat-akibat yang merosakkan.

"Definisi mereka terhadap keluarga telah berubah. Seorang bujang yang tinggal dengan anak angkat, seorang anak yang bapanya tidak diketahui dan dua lelaki atau dua wanita yang tinggal bersama dikira sebagai sebuah keluarga.

Konsep kekeluargaan mereka bukanlah apa yang diterima oleh kita rakyat Malaysia. Kita mengekalkan konsep tradisi kekeluargaan iaitu seorang lelaki yang mengahwini seorang wanita, mendapat anak dan mewujudkan sebuah keluarga," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata konsep dan kombinasi keluarga yang betul akan mendewasakan seorang anak untuk mempercayai nilai-nilai tertentu seperti berkahwin serta berkeluarga dan anak itu kelak akan mengekalkan kepercayaan itu sepanjang hayatnya.

-- BERNAMA  
MFZ MFZ ROS